

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 09/10/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 39

Tajuk : Media Prima lancar program Usahawan #JOMMASUKTV

# Media Prima lancar program Usahawan #JOMMASUKTV

➔ Platform untuk koperasi  
promosi produk, perkhidmatan

Oleh Nabil Basaruddin  
nabil.basaruddin@nstp.com.my

**M**edia Prima Bhd (Media Prima) menerusi Sistem Televisyen Malaysia Bhd (STMB) melancarkan program Usahawan #JOMMASUKTV dalam usaha untuk merencanakan pembangunan sektor koperasi negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen MPB, Johan Ishak, berkata program itu bertujuan untuk menggalakkan koperasi bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka menerusi platform televisyen.

Melalui inisiatif itu, katanya, ia akan memperluaskan pasaran mereka dan seterusnya menambah pendapatan selain menjadikan sektor koperasi sebagai pemang-

kin dalam pertumbuhan ekonomi negara.

“Apabila usahawan koperasi menyertai program ini, ia memberikan peluang kepada mereka untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang dilakukan dalam rangkaian televisyen Media Prima merangkumi TV3, NTV7, TV9 dan 8TV.

“Program ini menawarkan pakej menarik dengan kos yang begitu berpatutan, selain peluang pembabitin dalam Karnival Jom Heboh dan Anggun Life,” katanya pada sidang media majlis pementoran memorandum persefahaman (MoU) antara Galoreka Sdn Bhd (Galoreka) dan Sterling Red (Sterling Red) Sdn Bhd di Petaling Jaya, semalam.

Majlis pementoran itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr Hatta



Hatta (tengah) bersama Abdul Fattah (dua dari kiri) dan Johan (dua dari kanan) menyaksikan pertukaran MoU antara Pengarah Projek Galoreka, Noor Rizki Ahmad (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Sterling Red, Rozaimi Shafri pada majlis pementoran MoU di Petaling Jaya, semalam.



Kami yakin inisiatif ini dapat membantu usahawan koperasi meneroka segmen pemasaran dan penjenamaan yang lebih meluas, sekaligus meningkatkan jualan masing-masing”

Johan Ishak,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Rangkaian Televisyen MPB

Ramli dan Presiden Angkatan Koperasi Malaysia Bhd (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

### Jaminan jenama

Menerusi MoU itu, Galoreka akan bekerjasama dengan Sterling Red, iaitu rakan strategik kepada ANGKASA dan STMB dalam menggalakkan koperasi untuk mengambil peluang bagi mempromosikan perniagaan mereka di kaca televisyen.

Johan berkata, menerusi platform media berkenaan, ia memberikan usahawan koperasi menarik lebih banyak permintaan daripada kalangan pengguna seluruh negara.

“Kami yakin inisiatif ini dapat membantu usahawan koperasi meneroka segmen pemasaran dan penjenamaan yang lebih meluas, sekaligus meningkatkan jualan

masing-masing,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, dengan menyertai program itu juga, ia memberi jaminan terhadap jaminan jenama seterusnya memacu perkembangan perniagaan secara proaktif dan bersepadu.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, dengan pertumbuhan yang sihat dalam sektor koperasi, pihaknya yakin usaha Media Prima ini adalah tepat pada masanya dengan mengambil kira keadaan semasa.

“Malaysia mempunyai kira-kira 14,000 koperasi yang mana ia diwakili oleh enam juta ahli. Ia sudah tentu akan memberi manfaat kepada Media Prima, pada masa sama, koperasi juga dapat memperkukuh kedudukan dalam segmen perniagaan yang dijalankan,” katanya.

[ FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ / BH ]

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA